

09 JAN 2003

Syed Hamid-Straw/I

PENYELESAIAN KONFLIK BUKAN MENERUSI PEPERANGAN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Malaysia kekal dengan pendiriannya bahawa penyelesaian konflik tidak seharusnya dicapai menerusi peperangan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau membuat kenyataan itu menjelang lawatan Setiausaha Negara Britain bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel Jack Straw esok.

Straw akan berada di Malaysia untuk lawatan rasmi sehari, dipercayai untuk mendapatkan sokongan bagi peperangan menentang Iraq yang diketuai Amerika Syarikat, mendahului Sidang Kemucak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur bulan depan.

Ini merupakan lawatannya yang pertama sejak menjadi Setiausaha Luar Britain pada Jun 2001.

Beliau dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Straw juga akan mengadakan perbincangan dengan Syed Hamid mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa.

Syed Hamid memberitahu Bernama hari ini bahawa Britain berhasrat mengambil peluang dari lawatan Straw itu untuk menjelaskan pandangan Britain bersama Amerika Syarikat -- sekutunya dalam peperangan menentang keganasan, mengenai isu Iraq.

"Saya rasa beliau akan mengambil peluang untuk menjelaskan pandangan Britain bersekali dengan pandangan Amerika Syarikat.

"Tetapi, saya boleh memberitahu anda, bagi Malaysia, kami percaya kepada penyelesaian konflik bukan menerusi peperangan dan kami tidak mempercayai sesiapa yang memberikan dirinya satu-satunya hak untuk mengubah kerajaan atau mengubah pemerintahan secara paksaan," kata beliau.

Syed Hamid berkata Kuala Lumpur berpegang teguh kepada dasar luarnya bahawa sekiranya ada perubahan dalam kerajaan atau pemerintahan, "ia perlu datang dari dalam."

"Saya rasa Amerika Syarikat dan Britain tahu pandangan kita, dan pandangan negara-negara membangun, pandangan sebahagian besar negara-negara anggota NAM," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

MAD AHH TS ROS